


# NewspaperSG

## Sheik mahu langkah diambil bagi pastikan pengadilan telus

BERITA HARIAN, 14 December 2007, Page 21

 Article also available on Microfilm Reel NL28597

Printer-Friendly Page

# Sheik mahu langkah diambil bagi pastikan pengadilan telus

## Gesaan demi elak rasa tidak puas hati pegawai dan pesilat

**SILAT** Oleh : | **SAPARIN RASIKIN** *saparin@sph.com.sg*  
dari Korat (Thailand)

**LANGKAH** perlu segera diambil untuk memastikan ketelusan pengadilan demi mengelakkan timbul tidak puas hati dan kontroversi dalam sukan silat.

Gesaan ini dibuat oleh pengarah teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob, ketika memberikan pandangannya mengenai perjalanan acara silat Sukan SEA Korat ini.

Ketidakpuasan dan keputusan yang kontroversial boleh mengundang

“Tidak dapat dinafikan adanya keputusan yang meragukan dalam pertandingan silat sukan ini yang menyebabkan timbul tidak puas hati,” katanya melahirkan pandangan peribadinya.

Persekutuan Pencak Si-

menanganinya isu ini bagi melenyapkan dakwaan adanya keputusan-keputusan berat sebelah.

Menurut Sheik, Persilat telah mengadakan kursus-kursus untuk wasit dan juri antarabangsa tetapi beliau menambah: “Ia tidak dilaksanakan sepenuhnya.

keadaan yang tidak diingini selepas insiden yang berlaku menyusuli kekalahan pesilat Malaysia di tangan pesilat Thailand.

“Pengadilan yang telus amat perlu, sama ada dari pihak wasit mahupun juri bagi mengelakkan ketidakpuasan yang berterusan di kalangan para pegawai dan pesilat sesebuah pasukan.”

lat Antarabangsa (Persilat) khususnya jawatankuasa wasit dan juri perlu peka dan serius

Persilat juga perlu mengemaskini dan menyetarakan peraturan-peraturan pertandingan supaya tidak timbul perbezaan penilaian di kalangan wasit dan juri negara-negara anggota.

“Contohnya, saya dapati ada antara wasit dan juri yang bertugas dalam Sukan SEA ini tidak mengikuti kursus terkini seperti yang diadakan di Jakarta tahun ini.

“Malah ada antara wasit dan juri yang bertu-

“Persilat mesti tegas dalam melaksanakan keputusan mereka dengan memastikan hanya wasit dan juri yang telah mengikuti kursus terkini dilantik untuk bertugas,” tambahnya.

“Saya tidak fikir mereka wajar mengalami kekalahan dalam perlawanan awal masing-masing,” tegas Sheik.

menerusi Mohd Noor Rafli Mohd Ramli dan Nur

“Dari segi keputusan saya memang kecewa. Tetapi saya puas hati dengan semangat dan persembahan mereka kerana seperti yang saya katakan awal, beberapa pesilat kami sepatutnya dapat melangkah lebih jauh.

gas timbul selepas lama menghilang tanpa membaharui pengetahuan mereka tentang peraturan-peraturan terkini.”

Sheik mendakwa ketidaktelusan pengadilan adalah antara punca beberapa pesilat harapan Singapura tewas dalam pusingan awal dan antara mereka ialah Muhd Shakir Juanda, Muhd Syahin Selamat dan Saiedah Said.

Beralih kepada pencapaian pasukan silat Singapura yang hanya menang sebutir pingat emas dan sebutir gangsa

As’Ashikeen Amran, Sheik berkata:

“Bagaimanapun, semua telah menjadi sejarah dan apa perlu kami lakukan ialah meningkatkan usaha daripada persiapan para pesilat terutama sekali dari segi mental.

“Dari segi fizikal dan stamina, saya dapati para pesilat kami mampu menyaingi pesilat negara lain.

“Tetapi kami perlu meningkatkan lagi persiapan mental mereka agar tidak mudah terkejut oleh suasana pertandingan ataupun reputasi lawan seperti yang ditunjukkan oleh Rafili,” tambah pengarah teknikal itu.



**BUAT KENANGAN:** Para pesilat negara bergambar untuk kenangan di luar Dewan Perbandaran, Sungnoen, di mana pertandingan silat diadakan

**FOTO: ZAINAL YAHYA**